Penganiayaan rumah tangga

Campur tangan pihak luar perlu tangani masalah penderaan fizikal, emosi pasangan

NIK SALIDA SUHAILA

Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia

Dalam Islam, kegagalan suami atau bapa memberi nafkah dan keperluan asas kepada isteri atau menantu juga adalah salah satu bentuk penganiayaan dalam rumah tangga.

Nafkah adalah hak isteri yang wajib disempurnakan suami atau orang yang menanggungnya. Bencana rumah tangga banyak disebabkan kegagalan suami menunaikan tanggungjawab ini, selain kejahilan isteri mengenai hak mereka untuk menuntut nafkah daripada bapa atau datuk mentua atau sesiapa yang menanggung suami untuk melangsaikan tanggungjawab itu.

Antara tujuan perkahwinan ialah menghalalkan silaturahim antara dua insan berlainan jantina agar mereka dapat berkongsi sebuah kehidupan lebih daripada hubungan biasa.

Kesepakatan tunai tanggungjawab

Suami isteri ibarat penyatuan dua hati, segala-galanya dikongsi, hingga tiada apa membatasi melainkan qada dan qadar Allah yang memisahkan jodoh mereka di dunia ini.

Sungguhpun begitu, ada perkahwinan yang tidak dapat menterjemahkan objektif ibadah itu sendiri walaupun hampir setiap pasangan berkahwin tahu keharmonian rumah tangga dapat dicapai melalui kesepakatan suami isteri dalam menunaikan hak dan tanggungjawab masing-masing terhadap pasangan.

Penulis begitu pasti mereka yang tidak menunaikan kewajipan sebagai suami bukanlah tidak arif akan hal berkenaan, tetapi sengaja membutakan mata dan pekakkan telinga kerana tidak mahu menunaikan tanggungjawab yang dianggap sebagai beban.

Dalam Islam, suami dan isteri saling menggalas tanggungjawab dalam urusan rumah tangga dan tiada beza antara keduanya, melainkan suami memikul lebih banyak tanggungjawab, dan isteri mempunyai lebih banyak hak, sesuai dengan fitrah mereka.

Sabda Rasulullah SAW maksudnya: "Daripada Abdullah bin Umar berkata ia, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Seorang lelaki adalah pemimpin dalam urusan keluarganya dan dia akan diminta bertanggungjawab dalam kepimpinannya. Seorang isteri adalah pemimpin dalam mengurus rumah tangga suaminya dan dia akan diminta bertanggungjawab dalam kepimpinannya." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari)

Tetapi, disebabkan tiada persefahaman, suami isteri yang sepatutnya menjadi inti kerukunan rumah tangga tidak mampu menjadikan perkahwinan sebagai sebab untuk berbahagia, sebaliknya saling menyakiti antara satu sama lain sehingga syurga yang didiami bersama menjadi neraka yang tidak padam-padam apinya.

Bencana keganasan rumah tangga

Ini jugalah yang membawa kepada masalah lebih buruk, iaitu bencana keganasan dalam rumah tangga, malah berbunuhan antara suami isteri, selepas mereka lupa akad dan janji.

Keganasan dan penganiayaan dalam rumah tangga sering dianggap urusan peribadi yang tidak memerlukan campur tangan orang lain.

Ada isteri sanggup membiarkan diri mereka dizalimi pasangan kerana menganggap hal itu sebagai lumrah dalam rumah tangga.

Seksyen 2 Akta Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2011 mentakrifkan keganasan rumah tangga bukan hanya penderaan fizikal yang memerlukan bukti kecederaan pada anggota badan semata-mata, tetapi juga merangkumi penderaan psikologi termasuk kecederaan emosi.

Justeru, kegagalan suami memberi nafkah kepada isteri adalah salah satu bentuk keganasan rumah tangga kerana ia boleh mengakibatkan kecederaan emosi yang berlarutan kepada isteri. Begitu juga paksaan untuk melakukan aktiviti seksual secara kejam dan di luar batasan manusia antara suami isteri.

Walaupun Islam menghalalkan hubungan intim antara suami isteri, tetapi ia tidaklah sehingga menzalimi manusia, kerana Islam menentang kezaliman.

Undang-Undang Malaysia juga tidak membenarkan suami atau isteri mengurung atau menahan pasangan tanpa kerelaan mangsa atau melakukan khianat, kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan niat untuk menyebabkan kesedihan atau kegusaran kepada mangsa.

Walaupun mangsa keganasan rumah tangga termasuk juga bekas suami atau bekas isteri, anak-anak, ibu bapa atau ahli keluarga yang tinggal di dalam rumah yang sama, menurut statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, kebanyakan mangsa keganasan rumah tangga adalah isteri.

Namun, tidak bermakna tiada suami yang yang menjadi mangsa. Dari 2006 hingga Julai 2011, sebanyak 1,635 kes dicatatkan dan kaum Melayu direkodkan sebagai yang tertinggi yang terbabit dalam keganasan rumah tangga.

Sekiranya keganasan menyebabkan kecederaan fizikal atau emosi, mangsa perlu mendapatkan rawatan perubatan dan membuat laporan polis.

Mangsa juga mungkin memerlukan Perintah Perlindungan (PO) atau Perintah Perlindungan Interim (IPO) daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) agar tidak berterusan menjadi mangsa.

Namun, sekiranya ada yang menganggap keganasan rumah tangga adalah masalah peribadi dalam ruang peribadi yang tidak perlu ditangani, tentulah sukar untuk mempertahankan mahligai dibina walaupun asalnya untuk menyatukan dua hati.

Masalah perlu dibendung

Masalah ini boleh dibendung sekiranya setiap pasangan tahu punca menyebabkan berlakunya kegagalan memberi nafkah yang menyebabkan keganasan dalam rumah tangga (akibat penderaan emosi) serta berusaha sedaya upaya menamatkan situasi sedemikian.

Mereka juga perlu tahu keganasan rumah tangga bukanlah masalah 'peribadi' yang tidak perlu campur tangan pihak luar untuk membantu.

Justeru, bantuan ahli keluarga yang lebih tua atau bantuan kaunseling daripada pakar mungkin boleh membantu menyelesaikan masalah dan mencari titik penyelesaian.